

Amanah Medicare

Hidupkan amanah, Hulurkan ihsan



Ahli PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

PENGENALAN

Amanah Medicare adalah pelan takaful berkelompok patuh Syariah yang menyediakan perlindungan rawatan pesakit luar di klinik berdaftar tanpa memerlukan kemasukan ke hospital. Pelan ini ditawarkan secara percuma kepada individu yang layak dan terpilih daripada golongan miskin dan miskin tegar, berumur antara 1 hingga 100 tahun.

Pelan ini merupakan hasil kerjasama strategik di antara Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dan Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN) serta Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM), bertujuan menyediakan perlindungan rawatan klinikal pesakit luar yang sesuai serta meringankan beban kewangan golongan yang memerlukan.

FAKTA PENTING



Pelan Takaful Percuma

Pelan takaful berkelompok patuh Syariah yang mana sumbangannya ditaja sepenuhnya oleh ASNB dan PruBSN.



Perlindungan Perubatan & Rawatan Pesakit Luar (Klinikal)

Perlindungan selama satu (1) tahun untuk rawatan pesakit luar dengan kemudahan tanpa tunai di semua klinik panel.

Jika kemudahan tanpa tunai tidak tersedia oleh sebab berikut:

- a. Rawatan, ubatan dan perundingan di klinik bukan panel atau hospital;
- b. Penggunaan melebihi 80% daripada Had Tahunan Keseluruhan;

Kos perubatan dan rawatan yang layak boleh dituntut semula melalui kaedah Bayar dan Tuntut, tertakluk kepada jadual manfaat dan baki had tahunan.



Tiada Pengunderaitan Diperlukan

Ahli yang Dilindungi tidak perlu menjalani pemeriksaan perubatan dan proses pengunderaitan.



Tanpa Kerumitan

Pendaftaran secara automatik.



Rangkaian Klinik yang Luas

Nikmati rawatan tanpa tunai dengan had tahunan sebanyak RM300 di rangkaian klinik panel kami di seluruh Malaysia.

*Rujuk www.prubsn.com.my untuk maklumat lebih lanjut

GAMBARAN PERLINDUNGAN



PERLINDUNGAN YANG DITAWARKAN

Bayaran balik Caj Munasabah dan Biasa untuk perkhidmatan rawatan, ubatan dan perundingan yang diberikan oleh Doktor/Pakar Perubatan berdaftar di klinik atau hospital berdaftar, akibat penyakit biasa dan kecederaan badan, tanpa kemasukan ke hospital. Had maksimum ialah RM300 setiap setahun.



TEMPOH PERLINDUNGAN

12 Bulan




KELAYAKAN

Individu berumur 1 hingga 100 tahun (pada hari lahir akan datang) daripada golongan miskin dan miskin tegar yang terpilih.

LANGKAH MENDAPATKAN RAWATAN DI KLINIK PANEL



Maklumkan
**"Saya ahli
PMCare"** di
kaunter
pendaftaran.



Serahkan Kad
Pengenalan
anda untuk
pengesahan.



Dapatkan
rawatan,
ubatan &
perundingan.



Nikmati
rawatan
tanpa tunai*
di klinik
panel.



Simpan resit
rawatan (jika
ada).

*Kos perubatan dan rawatan yang boleh dituntut melalui kaedah Bayar dan Tuntut (Sila rujuk Proses Tuntutan).

PROSES TUNTUTAN

Tuntutan boleh dilakukan sekiranya:


- Rawatan diterima di klinik bukan panel atau hospital;
- Melebihi 80% Had Tahunan Keseluruhan telah digunapakai

1. PENYERAHAN BORANG TUNTUTAN SECARA DALAM TALIAN



atau

2. PENYERAHAN BORANG TUNTUTAN SECARA MANUAL



*Semakan status tuntutan boleh dibuat melalui aplikasi PMCare

NOTA PENTING

1. Risalah ini tidak mengikat sebarang kontrak antara anda dan PruBSN. Ciri-ciri penting serta terma dan syarat pelan ini adalah seperti yang dinyatakan dalam Lampiran Keterangan Produk dan Ringkasan Sijil Induk, yang boleh diakses di laman rasmi PruBSN.
2. Risalah ini diterbitkan hanya untuk maklumat dan tidak berkaitan dengan matlamat-matlamat kewangan, situasi dan keperluan mana-mana individu tertentu.
3. Dalam risalah ini, Umur merujuk kepada Umur pada Tarikh Lahir akan Datang, melainkan dinyatakan sebaliknya.
4. Amanah Medicare adalah berdasarkan persetujuan bantuan bersama (*Ta`awun*) di mana sebahagian daripada sumbangan anda ditolak dan dikumpulkan ke dalam Dana *Tabarru`* bersama dengan sumbangan peserta-peserta yang lain untuk memberikan manfaat kewangan bersama yang boleh dibayar kepada semua peserta takaful yang layak. Berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah*, PruBSN akan menguruskan pelan takaful anda sebagai pulangan untuk caj-caj *Wakalah*.
5. Amanah Medicare tidak menyediakan manfaat Dana *Tabarru`* jika sijil telah diserahkan, ditamatkan, tamat tempoh atau matang.
6. PruBSN melepaskan bahagiannya daripada lebihan bagi memaksimumkan manfaat kepada golongan asnaf, selaras dengan semangat tolong-menolong, *Ta`awun* dan solidariti sosial.

PENGECUALIAN

Manfaat ini tidak akan dibayar sekiranya tuntutan daripada Ahli yang Dilindungi adalah disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya oleh mana-mana tuntutan berikut:

- a) Terutamanya untuk tujuan penyiasatan, diagnosis, pemeriksaan sinar-X, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis hilang upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak perlu dari segi perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat-ubatan atau pemeriksaan pencegahan yang dijalankan oleh pakar perubatan, dan rawatan khusus untuk mengurangkan atau menambah berat badan; atau
- b) Pembedahan plastik/kosmetik elektif (kecuali pembedahan rekonstruktif untuk mengembalikan fungsi), hiperhidrosis, berkhatan, pemeriksaan mata untuk rabun dekat, rabun jauh atau astigmatisme, alat bantuan visual dan pembiasaan atau pembedahan pembetulan rabun dekat (*Keratomi Radial*) dan penggunaan atau perolehan perkakas atau alat prostetik luaran seperti tidak terhad kepada anggota tiruan, alat bantuan pendengaran, radas koklea, perentak luaran atau sementara, dan preskripsi yang berkaitan; atau
- c) Penyalahgunaan dadah, gangguan akibat ketagihan daripada sebarang jenis penggunaan atau penyalahgunaan bahan atau alkohol, di bawah pengaruh alkohol, penyakit kelamin dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV, serta sebarang penyakit boleh berjangkit yang memerlukan kuarantin di sisi undang-undang; atau
- d) Bunuh diri, percubaan membunuh atau kecederaan diri yang disengajakan dalam keadaan waras atau tidak waras; atau
- e) Sebarang jenis perlumbaan (kecuali lumba lari atau lumba jalan kaki), sukan berbahaya seperti, tetapi tidak terhad kepada, terjun di udara, luncur air, aktiviti dalam air yang memerlukan alat pernafasan, sukan lasak musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang menyalahi undang-undang; atau
- f) Perang atau sebarang tindakan perang, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, tindakan musuh asing, tugas aktif dalam mana-mana angkatan bersenjata atau mana-mana operasi seperti perang; atau

- g) Sebarang percubaan atau perbuatan jenayah sebenar, perbuatan menyalahi undang-undang, atau penglibatan dalam aktiviti keganasan; atau
- h) Penyertaan langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan awam atau pemberontakan, revolusi atau
- i) Radiasi ion dan pencemaran radioaktif daripada mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear akibat proses ledakan nuklear atau akibat daripada apa-apa bahan senjata nuklear; atau
- j) Perbelanjaan yang ditanggung untuk pendermaan mana-mana bahagian atau organ ahli yang dilindungi dan kos perolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika pemindahan organ dan komplikasinya; atau
- k) Penjagaan atau rawatan yang tidak memerlukan bayaran atau kos tersebut akan dibayar oleh mana-mana takaful, insurans atau indemniti lain yang melindungi orang yang dilindungi dan kehilangan upaya yang timbul daripada tanggungjawab pekerjaan atau profesion yang dilindungi di bawah Kontrak Takaful Pampasan Pekerja; atau
- l) Penerbangan persendirian selain daripada sebagai penumpang yang membayar tambang dalam mana-mana penerbangan komersial berjadual yang dilesenkan untuk membawa penumpang melalui laluan yang telah ditetapkan; atau
- m) Perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantina atau transformasi jantina; atau
- n) Kegagalan ahli yang dilindungi untuk mendapatkan atau mengikuti nasihat perubatan yang munasabah.
- o) Lebih daripada satu (1) perkhidmatan perundingan atau rawatan pesakit luar setiap hari di mana-mana Klinik atau Hospital yang berdaftar secara sah; atau
- p) Kos ubat yang dipreskripsi tanpa konsultasi; atau
- q) Terapi fizikal pesakit luar atau fisioterapi
- r) Sebarang Pembedahan Harian kecuali pembedahan yang diberikan adalah Perlu Dari Segi Perubatan, disyorkan dan diluluskan oleh Doktor dengan rawatan Diagnosis untuk Hilang Upaya di mana Pembedahan Harian diperlukan.

APAKAH ITU TAKAFUL?

“Suatu perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya Ahli yang Dilindungi Takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada Ahli yang Dilindungi Takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu”.

Seksyen 2(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013

Takaful diambil daripada istilah Arab ‘*kafala*’ yang bermaksud **“Jaminan bersama”** atau **“Menjamin antara satu sama lain”**.

Secara literal, Takaful bermaksud tanggungjawab, jaminan, dan perjanjian bersama. Secara umum, takaful diasaskan atas persetujuan kerjasama (*Ta`awun*) berdasarkan prinsip persamaan dan perpaduan, merangkumi elemen-elemen pampasan bersama dan kepentingan bersama.

Terdapat tiga (3) aspek kebersamaan yang terangkum dalam takaful, iaitu pertolongan bersama, tanggungjawab bersama, dan perlindungan bersama. Apabila seorang individu terlibat dalam pelan takaful, individu tersebut bukan sahaja mencari perlindungan untuk dirinya, malah bekerjasama dengan para Ahli yang Dilindungi lain untuk menyumbang bersama dan membantu antara satu sama lain.

PERTOLONGAN BERSAMA

**PERLINDUNGAN BERSAMA
DARIPADA KERUGIAN**

TANGGUNGJAWAB BERSAMA

Secara intipatinya, takaful adalah berasaskan prinsip **“Ta`awun”** (**kerjasama/pertolongan bersama**) di mana penglibatan penyertaannya adalah bersifat **Tabarru`at (kebajikan)**.

Amanah Medicare adalah produk yang patuh Syariah.

Pelan ini ditaja jamin oleh:

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

Untuk maklumat/pertanyaan lanjut, sila hubungi:

PRUDENTIAL BSN TAKAFUL BERHAD

(No. Syarikat 200601020898 (740651-H))

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

Tel: 03 2775 7188

E-mel: customer.microtakaful@prubsn.com.my

www.prubsn.com.my



SMS **PruBSN** dan hantarkan ke **33080**



www.facebook.com/prubsn



www.instagram.com/prubsn_official



www.linkedin.com/company/prudential-bsn-takaful-berhad

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

PENTING: Anda harus memastikan anda berpuas hati bahawa pelan ini dapat memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan sumbangan yang perlu dibayar di bawah sijil ini adalah amaun yang anda mampu.

Semua maklumat adalah betul semasa penerbitan. Diterbitkan Disember 2025.